



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
JEMAAH NAZIR DAN JAMINAN KUALITI
ARAS 5, BLOK E15
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

Telefon : +603-8884 4181
Faks : +603-8888 6867
Email : jns_skpm@jns.moe.gov.my
Website: <http://apps.emoe.gov.my/jns/>

Ruj. Kami : KP(JNJK) 900-10/3/1 (7)
Tarikh : 8 Julai 2009

Semua Ketua Jabatan / Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

URUSAN PEMANGKUAN GURU CEMERLANG PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) GRED DGA32, GRED DGA34 DAN GRED DGA38 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) TAHUN 2009 DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan melaksanakan urusan pemangkuan Guru Cemerlang dari Gred DGA29 ke Gred DGA32 (KUP), Gred DGA32 ke Gred DGA34 (KUP) dan dari Gred DGA34 ke Gred DGA38 (KUP) tahun 2009. Jumlah kekosongan kuota Guru Cemerlang bagi PPPLD Gred DGA32 (KUP) ialah 600, Gred DGA34 (KUP) ialah 150 dan Gred DGA38 (KUP) ialah 237.
3. Permohonan adalah terbuka kepada semua PPPLD Gred DGA29, Gred DGA32 dan Gred DGA34 yang berkhidmat di sekolah-sekolah rendah dan menengah.
4. Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan syarat-syarat khusus urusan pemangkuan pada kali ini.

4.1 **Syarat-Syarat Umum**

- 4.1.1 Telah disahkan dalam perkhidmatan (bagi pemohon Guru Cemerlang ke Gred DGA32 (KUP) sahaja);
- 4.1.2 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terakhir bagi tahun 2006, 2007 dan 2008;
- 4.1.3 Bebas daripada tindakan tatatertib;
- 4.1.4 Telah mengisytiharkan harta;
- 4.1.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 4.1.6 Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan;
- 4.1.7 Lulus PTK yang ditetapkan mengikut gred-gred yang berkaitan seperti berikut:
 - (a) Pemangkuan ke Gred DGA32 (KUP): Lulus TK 1 atau TK 2 di Gred DGA29 (Keseluruhan Aras III atau IV);
 - (b) Pemangkuan ke Gred DGA34 (KUP): Lulus TK 3 di Gred DGA32 (Keseluruhan Aras III atau IV);
 - (c) Pemangkuan ke Gred DGA38 (KUP): Lulus TK 4 di Gred DGA34 (Keseluruhan Aras III atau IV); dan
- 4.1.8 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4.2 **Syarat-syarat Khusus**

- 4.2.1 Syarat-syarat khusus permohonan urusan pemangkuan bagi Guru Cemerlang adalah seperti di **Lampiran A**.

5. **Borang Permohonan**

- 5.1 Pegawai-pegawai yang memohon untuk dipertimbangkan dalam urusan pemangkuan ini ataupun pegawai-pegawai yang telah dicalonkan oleh Ketua Jabatan masing-masing untuk urusan pemangkuan ini hendaklah mengisi **Borang Permohonan Guru Cemerlang JNJK/PKIP/ 17/ 09** seperti di **Lampiran B**. Maklumat lanjut mengenai pihak yang boleh memohon dan pihak yang boleh membuat pencalonan adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Senarai Calon dan Pihak Pencalon

Bil	Pihak yang boleh memohon	Pihak yang menjadi pencalon
1.	Guru Sekolah	Guru Besar/ Pengetua/ Pegawai Pelajaran Daerah (PPD)/ Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualliti (JNJK) Negeri/ Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)/ Ketua Nazir

5.2 Borang Permohonan yang telah lengkap diisi dengan maklumat yang betul hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan satu (1) salinan dokumen sokongan seperti berikut:

- 5.2.1 Kad Pengenalan;
- 5.2.2 Surat kenaikan pangkat Gred DGA32 / Gred DGA34 yang dikeluarkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP);
- 5.2.3 Kelulusan akademik;
- 5.2.4 Kelulusan ikhtisas;
- 5.2.5 Slip keputusan PTK (TK 1/TK 2/ TK 3/ TK 4);
- 5.2.6 Kenyataan oleh Ketua Jabatan (seperti di **Lampiran C**);
- 5.2.7 Kenyataan Perkhidmatan terkini;
- 5.2.8 Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi / Tabung Pendidikan (seperti di **Lampiran D**); dan
- 5.2.9 Borang Tapisan Keutuhan SPRM (**Lampiran T1**).

6. Pegawai-pegawai yang memenuhi syarat-syarat umum dan khusus seperti di para 4.1 dan 4.2 di atas sahaja layak memohon. Semua pemohon diingatkan supaya mengisi borang permohonan yang lengkap dan betul, disertakan dengan dokumen sokongan seperti dikehendaki. Pemohon hendaklah memastikan permohonan mereka dikemukakan kepada Ketua Jabatan masing-masing **sebelum atau pada jam 5.00, Jumaat, 7 Ogos 2009**.

7. **Peranan Ketua Jabatan**

7.1 Kerjasama Ketua Jabatan adalah dipohon untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- 7.1.1 Menghebah dan memaklumkan urusan pemangkuan ini kepada semua pegawai di bawah penyeliaan masing-masing yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di para 4.1 dan 4.2 di atas;

- 7.1.2 Menyemak serta memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang diberikan oleh calon;
- 7.1.3 Memastikan calon mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan LNPT tiga (3) tahun terakhir bagi tahun 2006, 2007 dan 2008. Manakala bagi pegawai yang cuti belajar, cuti tanpa gaji atau cuti sakit berpanjangan melebihi 180 hari pada tahun berkenaan, Ketua Jabatan diminta mengemukakan markah LNPT pada tahun sebelumnya;
- 7.1.4 Menentukan hanya permohonan yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus seperti di para 4.1 dan 4.2 di atas sahaja dikemukakan ke Unit Guru Cemerlang, JNJK, KPM bersama-sama dengan dokumen sokongan calon-calon seperti di para 5;
- 7.1.5 Mengisi dan membuat ulasan secara terperinci mengenai keistimewaan calon di ruangan perakuan Ketua Jabatan dalam borang permohonan;
- 7.1.6 Mengemukakan borang permohonan beserta dokumen sokongan bagi calon yang layak kepada Unit Guru Cemerlang, JNJK, KPM seperti alamat berikut **sebelum atau pada jam 5.00 petang, Jumaat, 14 Ogos 2009:-**

Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 3-6, Blok E15, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Guru Cemerlang)

- 7.1.7 Calon yang memenuhi syarat di atas sahaja akan dinilai dan dipantau. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan selepas iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka adalah tidak berjaya.

8. Sebarang pertanyaan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada pegawai-pegawai dari Unit Guru Cemerlang, JNJK, KPM seperti berikut:

- | | | | |
|-----|----------------------------------|---|--------------|
| 8.1 | Puan Siti Zainun Binti Zainuddin | - | 03-8884 4490 |
| 8.2 | Puan Siti Salbiah Binti Zahari | - | 03-8884 4128 |

- 8.3 Encik Norazrin Bin Amir Hamzah - 03-8884 4249
- 8.4 Encik Rosli Bin Ismail - 03-8884 4262

9. Di atas segala kerjasama Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berikan dalam melancarkan urusan ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' ABD. GHAFAR BIN MAHMUD)

Ketua Nazir

Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia
 2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
 3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
 4. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan & Kewangan)
 5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Dasar & Pembangunan Pendidikan
 6. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Pembangunan dan Profesionalisme Keguruan
 8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia